

SEMESTER 2- 2019/2020

PPK 222- KEMAHIRAN VOKASIONAL DALAM PENDIDIKAN KHAS

TUGASAN 2

TAJUK

**1 LANGKAH RANCANGAN PENGAJARA HARIAN DAN REFLEKSI SIMULASI
KEMAHIRAN VOKASIONAL (ASAS MASAKAN)**

DISEDIAKAN OLEH:



NURUL FIKRAH BINTI AZIZ (141428)

NAMA PENSYARAH:

DR. NORAINI BINTI ABDULLAH

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN

MATA PELAJARAN: Kemahiran Hidup

KELAS: Tingkatan 1 Farabi

TARIKH: 4 Mei 2020

HARI: Isnin

MASA: 10.00 Pagi – 10.30 Pagi

BIL MURID: 8 Orang

TAJUK: Asas Masakan

STANDARD KANDUNGAN: Menyediakan Minuman

STANDARD PEMBELAJARAN: Menyedia, menghias dan menghidang minuman mengikut kategori.

OBJEKTIF PEMBELAJARAN : 1. Murid dapat menyediakan minuman mengikut kategori
: 2. Murid dapat Menghias dan menghidang minuman berkhasiat, minuman menyegarkan dan minuman merangsangkan mengikut kreativiti.

PENGETAHUAN SEDIA ADA: 1. Murid tahu membezakan antara minuman berkhasiat, menyegarkan dan merangsangkan
2. Murid mengetahui dan berjaya menyediakan bahan dan peralatan mengikut resipi.

Penerapan nilai	Baik hati, Kerajinan, kerjasama
Kemahiran berfikir	Kemahiran berfikir kreatif dan kritis, kemahiran menaakul
Bahasa	Bahasa Melayu
Komunikasi	Bahasa Lisan dan Bukan Lisan
Keusahawanan	Rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif

ABM: Slide, Projektor, Laptop, LCD, Pembesar Suara, Kad Gambar dan Nombor, Bintang, Papan Kejayaan, buah epal, Serbuk Koko, Susu Segar, Uncang Kopi, Gula, Alatan Penyediaan Minuman.

NILAI: Bekerjasama, Patuh Arahan, Berdisiplin, Prihatin

LANGKAH 2 (20 minit)	1. Penyediaan minuman mengikut kategori minuman 2. Aplikasi proses pengajaran	1.0 Guru menunjukkan langkah- langkah untuk menyediakan minuman menyegarkan, merangsang dan minuman yang berkhasiat serta memberi arahan supaya mereka memahami setiap langkah yang ditunjukkan kerana sesi soal jawab akan diadakan 2.0 Guru meminta beberapa orang murid untuk melibatkan diri ketika proses penyediaan 1.0 Guru memanggil seorang murid untuk menyediakan minuman mengikut kategori minuman berdasarkan langkah-	1.0 Murid meneliti langkah-langkah penyediaan minuman yang ditunjukkan oleh guru dengan baik bagi persediaan sesi soal jawab mereka 2.0 Murid yang diminta untuk membantu proses penyediaan minuman ke hadapan kelas bagi melibatkan diri 1.0 Murid tersebut ke hadapan kelas bagi menyediakan minuman mengikut kategori berdasarkan langkah-langkah	KAEDAH Kaedah Pengajaran Dua Hala ABM Bahan dan Alatan penyediaan minuman EMK Bahasa, Kreatif dan Inovatif, Nilai Murni NILAI Patuh arahan, Bekerjasama
---------------------------------	---	--	---	---

		langkah yang telah ditunjukkan 2.0 Guru meminta murid tersebut menghias dan menghidang minuman yang disediakan berdasarkan kreativiti	penyediaan seperti yang diajarkan oleh guru 2.0 Murid tersebut menghias dan menghidang minuman yang disediakan mengikut kreativiti	
--	--	---	--	--

1 LANGKAH RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN

REFLEKSI VIDEO SIMULASI PENGAJARAN KEMAHIRAN ASAS MASAKAN

NURUL FIKRAH BINTI AZIZ (141428)

Pertama sekali saya ingin melafazkan rasa kesyukuran yang tidak terhingga kerana dapat menyiapkan tugas bagi subjek Kemahiran Vokasional dalam Pendidikan Khas (PPK222) iaitu pelaksanaan simulasi pengajaran bagi topik Kemahiran Asas Masakan. Simulasi telah dijalankan selama 10 mini berdasarkan Langkah kedua mengikut Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang telah disiapkan sebelum ini. terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih penyelaras projek bagi subjek ini iaitu Dr Noraini Binti Abdullah. Beliau telah banyak membantu saya dan juga rakan-rakan yang lain dalam proses menyiapkan tugas pada kali ini.

Kekuatan Simulasi

Kekuatan simulasi pengajaran ini dapat dilihat pada proses pembikinan video simulasi dimana saya perlu membuat video secara beberapa kali bagi memastikan pengajaran yang ditunjukkan berdasarkan langkah yang saya pilih adalah jelas dan tidak mengelirukan pemeriksa. Seterusnya, simulasi ini telah mengajar saya tentang kepentingan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam pengajaran dan pembelajaran. Kreativiti dalam diri bakal pendidik juga dapat dibina dengan adanya tugas ini. Tugas simulasi ini juga mendidik saya tentang penggunaan masa yang ketika mengajar. Hal ini demikian kerana kegagalan guru menggunakan masa yang disediakan untuk menjalankan aktiviti pengajaran menjadi satu daripada faktor objektif pengajaran tidak tercapai seperti yang ditetapkan. Kesimpulannya, tugas simulasi berdasarkan kemahiran asas masakan yang telah saya lakukan ini telah memberi pencapaian pertama kepada saya dan juga pengalaman bermakna kerana ini merupakan simulasi pertama yang dilakukan oleh saya.

Kelemahan Simulasi

Setiap tugas yang diberikan pastinya mengandungi kekurangan dan kelemahan yang tersendiri. Setiap kelemahan yang berlaku perlu ditambahbaik ataupun diubah secara proaktif. Terdapat banyak kelemahan pengajaran yang saya lakukan. Antaranya ialah, simulasi yang saya lakukan kurang menampakkan interaksi dua hala antara pelajar berkeperluan khas dengan guru. Hal ini menjadikan suasana pengajaran kaku dan tidak memberangsangkan.

Penggunaan isyarat mata kurang digunakan kerana simulasi yang dijalankan ini tidak mempunyai ramai individu yang terlibat menyebabkan saya sebagai pengajar tidak membuat perhubungan mata.

Selain itu, kegagalan dalam isu pemakaian yang tepat seperti yang telah disebutkan dalam peraturan pemakaian di dapur. saya menyedari bahawa saya tidak menggunakan apron ketika melakukan proses penyediaan 3 jenis minuman. Hal ini telah disedari selepas pembuatan video dijalankan. Disebabkan oleh kekangan masa dan keadaan, saya tidak dapat mencari apron. Saya tidak nafikan bahawa penggunaan apron ketika berada di dapur sangat penting kerana ia berfungsi untuk Sebagai Pelindung untuk melindungi tubuh individu dari terkena kotoran dan memudahkan pekerjaan si pemakai. Seterusnya, saya juga tidak memakai sarung tangan yang menjadi salah satu aspek kebersihan di dapur. Akhir sekali, pemakaian topi juga tidak dibuat. Kelemahan-kelemahan ini telah menjadi kepincangan dalam video simulasi yang dilakukan.

Seterusnya, video yang dibuat mengalami banyak kekurangan dari segi pencahayaan dan gangguan bunyi kerana rumah saya berhampiran dengan jalan raya yang menyebabkan simulasi saya agak terganggu. Namun begitu, saya cuba mengatasi permasalahan ini dengan sebaik mungkin dari segi cara pengeditan tetapi saya tetap tidak dapat menghasilkan satu video yang baik juga.

Disamping itu, saya juga perlu lebih bersedia dan lebih yakin ketika menjalankan simulasi. Hal ini demikian kerana, sikap teragak-agak seorang guru mengakibatkan pelajar berkeperluan khas ini tidak menumpukan perhatian ketika guru mengajar di dalam kelas. Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang kurang menarik juga menjadi salah satu faktor kelemahan dalam simulasi ini.

Kesimpulannya, simulasi yang dibuat ini memerlukan banyak penambahbaikan dari segi keyakinan diri, penggunaan BBM ketika mengajar, komunikasi bukan verbal dan aspek keselamatan ketika mengajar subjek vokasional seperti tajuk asas masakan.